



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut.

**Keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

**PEMBANTU OPERASI (PENGASUH) 'CONTRACT FOR SERVICE'**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- c) Taraf Jawatan : 'Contract For Service'
- d) Kekosongan Jawatan : 2
- e) Upah : RM1,500.00

**SYARAT LANTIKAN:**

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DESKRIPSI TUGAS:**

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut.

**Keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan.**

**PEMBANTU TADBIR (GURU) 'CONTRACT FOR SERVICE'**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan (N)
- c) Taraf Jawatan : 'Contract For Service'
- d) Kekosongan Jawatan : 1
- e) Upah : RM2,067.00

**SYARAT LANTIKAN:**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak).**

**DESKRIPSI TUGAS:**

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail /dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.



IKLAN LUARAN

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**PEMBANTU TADBIR (GURU) – GRED N19 (KONTRAK)**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Pentadbiran dan Sokongan (N)
- c) Taraf Jawatan : Kontrak
- d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	
<b>N19</b>	<b>RM1,352.00</b>	<b>RM4,003.00</b>	
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM100.00</b>		
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM115.00</b>	
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM300.00</b>	
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM350.00</b>	

**SYARAT LANTIKAN:**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80); atau**

(d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak).**

**DESKRIPSI TUGAS:**

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail /dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

### PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- ii) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui laman sesawang MBPJ: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my). Sila muat turun manual permohonan.
- iii) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- iv) Permohonan mestilah disertakan dengan salinan sijil yang disahkan;
- v) Sijil/dokumen hendaklah diimbas dan dimuatnaik melalui pautan berikut:  
<https://bit.ly/pembantutadbirgurukontrak>  
<https://bit.ly/pembantutadbirgurucfs>  
<https://bit.ly/pembantuoperasipengasuhcfs>
- vi) Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga;
- vii) Pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat (bagi pegawai yang sedang berkhidmat);
- viii) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;
- ix) Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.

## PERMOHONAN

Permohonan bagi pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah dihantar kepada:

Bahagian Sumber Manusia  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Tingkat 16, Menara MBPJ, Jalan Tengah  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
(u.p.: Unit Perkhidmatan)

Tarikh iklan dikeluarkan: 22.6.2020  
Tarikh tutup permohonan adalah pada: 6.7.2020